



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.54/ 2018

PEWARTAAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM KE-14 (PRU-14)

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) memaklumkan bahawa keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) telah diwartakan pada **28 Mei 2018**. Pewartaan ini adalah selaras dengan Peraturan 27 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 bagi maksud penyiaran keputusan dan penyata pengundian dalam *Warta*.

Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan pemilihan dalam PRU-14 bagi Dewan Rakyat (Parlimen) atau Dewan Undangan Negeri (DUN) boleh mengemukakan petisyen pilihan raya dalam tempoh **21 hari** dari tarikh keputusan disiarkan dalam *Warta* selaras dengan peruntukan Seksyen 38 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].

Dalam masa yang sama SPR juga mengingatkan semua calon-calon yang bertanding pada PRU-14 yang lalu atau ejen pilihan rayanya agar mengemukakan penyata perbelanjaan pilihan raya kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri dalam tempoh **31 hari** selepas tarikh keputusan PRU-14 diwartakan selaras dengan Seksyen 23 (1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Kegagalan berbuat demikian merupakan satu kesalahan di bawah Akta tersebut.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 29 Mei 2018 / 13 Ramadhan 1439H